

**PROMOSI FAEDAH BONUS / KEUNTUNGAN PERBANKAN PRIORITI HONG LEONG:**

PEROLEHI FAEDAH BONUS / KEUNTUNGAN 2.80% SETAHUN ATAS BAKI PURATA HARIAN TAMBAHAN ANDA APABILA ANDA MEMBUAT DEPOSIT DI HONG LEONG BANK.

**TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

**TEMPOH PROMOSI**

**“Promosi Faedah Bonus/Keuntungan Perbankan Prioriti”** (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut “Bank”] bermula pada **1 November 2018** dan berakhir pada **31 Januari 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

**KELAYAKAN**

1. Promosi terbuka kepada Pelanggan Perbankan Prioriti Individu Baharu dan/atau Pelanggan Perbankan Prioriti Individu Sedia Ada Bank (“Pelanggan PB”) yang merupakan warganegara Malaysia dan pemastautin bukan warganegara Malaysia. Promosi ini TIDAK terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a) Pelanggan PB dalam konteks ini bermaksud Pelanggan Bank yang telah memenuhi kriteria kelayakan bagi Keahlian Perbankan Prioriti (“Keahlian PB”). Keahlian PB bermaksud jumlah gabungan AUM dan/atau Pelaburan sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau apa apa-apa amaun lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa (“Kriteria Kelayakan PB”).
  - b) “Pelanggan PB Individu Baharu” bermaksud Pelanggan yang bukannya pelanggan Perbankan Prioriti Bank sebelum Tempoh Promosi dan memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti (“Keahlian PB”) semasa Tempoh Promosi.
  - c) “Pelanggan PB Sedia Ada” bermaksud pelanggan individu yang merupakan pelanggan Perbankan Prioriti Bank yang telah memenuhi kriteria kelayakan Keahlian Perbankan Prioriti (“Keahlian PB”) sebelum Tempoh Promosi.
2. Pelanggan PB yang mempunyai akaun (“Akaun Sertaan/ Akaun-i Sertaan”) berikut , sebagai pemegang akaun utama, layak untuk menyertai Promosi:
    - a) Akaun Simpanan Asas / Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong
    - b) Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i Hong Leong
    - c) Akaun Semasa Asas / Akaun Semasa-i Asas Hong Leong
    - d) Akaun Semasa / Akaun Semasa-i Hong Leong
    - e) Akaun Simpanan Junior / Akaun Simpanan-i Junior Hong Leong
    - f) Akaun Junior 3-dalam-1 / Akaun-i Junior 3-dalam-1 Hong Leong
    - g) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
    - h) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
    - i) Akaun Pay&Save / Akaun Pay&Save-i Hong Leong
    - j) Akaun SmartLink Hong Leong
    - k) Akaun Top Yield Hong Leong
    - l) Akaun One Hong Leong
    - m) Akaun One Semasa / Akaun One Semasa-i Hong Leong
    - n) Akaun CA Senior Prime Hong Leong
    - o) Akaun Tabung Duit Hong Leong
    - p) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong
    - q) Akaun Simpanan Premium Hong Leong
    - r) Akaun Simpanan Asas Gaji / Akaun Simpanan-i Asas Gaji Hong Leong
    - s) Akaun Simpanan Gaji / Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong
    - t) Pay & Save Gaji / Pay & Save-i Gaji Hong Leong

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berasaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq. Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 2 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

3. Pelanggan PB yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau HLISB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada HLB atau HLISB atau institusi lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi.

#### KAEDAH PROMOSI

4. Untuk layak menyertai Promosi ini, Pelanggan PB MESTILAH memenuhi Kriteria Promosi seperti dipaparkan dalam jadual di bawah ini ("Pelanggan PB Layak") semasa Tempoh Promosi.

	Kriteria Promosi	Ganjaran
<p><b>Kaedah &amp; Syarat</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendepositkan Baki Purata Harian ("DAB") tambahan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) semasa Tempoh Promosi dalam mana-mana Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan yang ditetapkan dalam Fasal 2.</li> <li>Baki Akhir Tempoh mestilah minimum RM60,000 bagi setiap akhir bulan berkenaan semasa Tempoh Promosi dalam mana-mana Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan yang ditetapkan dalam Fasal 2.</li> <li>Tambahan DAB mestilah dana baharu; pindahan dana antara akaun-akaun sendiri pelanggan, termasuk Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i ("FD/FD-i") yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada tidak akan diambil kira dalam menentukan baki tambahan Pelanggan PB ("Dana Baharu").</li> <li>Dana Baharu yang diperuntuk bagi apa-apa kempen lain semasa Tempoh Promosi akan DIKECUALIKAN daripada pengiraan DAB Tambahan Pelanggan.</li> </ul>	<p>Faedah Bonus/Keuntungan Bulanan sebanyak 2.80% setahun atas DAB tambahan CASA/CASA-i semasa Tempoh Promosi</p>

5. Baki Purata Harian (DAB) tambahan di bawah Promosi ini mestilah Dana Baharu minimum RM20,000 semasa Tempoh Promosi. DAB tambahan maksimum bagi setiap Pelanggan PB Layak yang berhak menikmati Faedah Bonus/Keuntungan dihadkan setakat RM240,000.00 sepanjang keseluruhan Tempoh Promosi.
6. Semua deposit mestilah "Dana Baharu" sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, "Dana Baharu" ditakrif sebagai:
- Wang Tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan; dan
  - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam Akaun-i Sertaan.
7. Yang berikut ini TIDAK dianggap "Dana Baharu":
- Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i ("FD/FD-i") yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
  - Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan HLB / HLISB yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
  - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
8. Baki Purata Harian ("DAB") ditakrif sebagai hasil tambah baki penutup harian dibahagi dengan bilangan hari bagi bulan berkenaan.
9. DAB Tambahan ditakrif sebagai baki purata tambahan Pelanggan PB Layak selepas ditolak DAB Pelanggan PB Layak bagi bulan Oktober 2018.
10. Pengiraan DAB dan DAB Tambahan adalah seperti berikut:

**a) Pengiraan DAB**

$$\frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian}}{\text{Bilangan hari dalam bulan}}$$

**b) Pengiraan DAB Tambahan**

$$\text{DAB Bulan Semasa} (-) \text{DAB Bulan Oktober}$$

11. Baki Akhir Tempoh (EOP) setiap Pelanggan PB Layak mestilah minimum RM60,000 bagi setiap akhir bulan berkenaan dalam mana-mana Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan seperti ditetapkan dalam Fasal 2 untuk layak semasa Tempoh Promosi.
12. Bank akan menjejaki kelayakan Pelanggan PB secara automatik pada akhir Tempoh Promosi berdasarkan Kriteria Promosi dipenuhi. Pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.
13. Faedah Bonus/Keuntungan akan dikira setiap bulan berdasarkan Dana Baharu minimum Dua Puluh Ribu (RM20,000) DAB tambahan sebulan. Contoh pengiraan Faedah Bonus/Keuntungan Bulanan adalah seperti berikut:

**FAEDAH BONUS**
**2.80%**

	Okt (RM)	Nov (RM)	Dis (RM)	Jan (RM)
<b>Deposit/DAB Tambahan (RM)</b>		<b>8,000</b>	<b>15,000</b>	<b>220,000</b>
DAB Tambahan Terkumpul (RM)			23,000	243,000
DAB Tambahan Terkumpul => RM20k?		No	Yes	Yes
Dana yang tidak layak – melebihi RM240k (RM)		0	0	3,000
<b>Dana yang layak mendapat Faedah Bonus (RM)</b>		<b>0</b>	<b>23,000</b>	<b>240,000</b>
<b>Baki Akhir Bulan (RM)</b>	<b>52,000</b>	<b>60,000</b>	<b>75,000</b>	<b>295,000</b>
Baki Akhir Bulan (RM) Melebihi RM60k?		Yes	Yes	Yes
<b>Faedah Bonus (RM)</b>		<b>0</b>	<b>53.67</b>	<b>560.00</b>
<b>Jumlah Faedah Bonus (RM)</b>			<b>613.67</b>	

14. Walaupun Pelanggan PB Layak mungkin berhak mendapat Bonus Faedah/Keuntungan bulanan sebanyak 2.8% setahun atas CASA/CASA-i bagi DAB Tambahan dalam satu bulan sertaan semasa Tempoh Promosi, namun Pelanggan Layak Itu mungkin tidak layak mendapat Faedah Bonus/Keuntungan bulanan bagi bulan sertaan seterusnya semasa Tempoh Promosi, jika kriteria yang ditetapkan dalam Fasal 4 tidak dipenuhi dalam bulan sertaan tersebut.
15. Jumlah peruntukan Faedah Bonus/Keuntungan di bawah Promosi ini dihadkan setakat RM2,100,000. Apabila sahaja jumlah amaun yang dihadkan itu telah tercapai, maka Bank berhak menamatkan Promosi Faedah Bonus/Keuntungan. Bank tidak akan membayar apa-apa faedah bonus/keuntungan lagi di bawah Promosi Faedah Bonus/Keuntungan walaupun Tempoh Promosi ini belum lagi luput.
16. Bagi tujuan patuh Syariah tentang pembayaran Keuntungan Bonus, Pelanggan PB Layak telah memberi keizinan kepada HLISB untuk menggunakan Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) daripada Akaun-i Sertaan sebagai harga belian bagi tujuan Dagangan Komoditi untuk mempermudah pembayaran Keuntungan Bonus. Seluruh hasil daripada Dagangan Komoditi tidak boleh tidak akan dibayar balik kepada Akaun-i Sertaan. Dagangan Komoditi akan dilakukan dalam masa 30 hari dari tarikh tamatnya Tempoh Promosi.
17. Pembayaran ganjaran akan dibuat dalam masa enam puluh (60) hari selepas tamatnya Tempoh Promosi, namun begitu Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan mengkreditkan Faedah Bonus/Keuntungan.
18. Sekiranya Pelanggan PB Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan, maka Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan yang mempunyai EOP tertinggi pada masa data akan dikreditkan dengan Ganjaran itu. Jika baki EOP bagi dua (2) Akaun atau lebih adalah sama, akaun yang mempunyai DAB tertinggi akan dikreditkan dengan Ganjaran itu.
19. Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi tujuan pemenuhan Kriteria Promosi. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun sebelum kriteria itu dipenuhi, maka Pelanggan PB layak akan dilucut kelayakannya daripada menyertai Promosi.
20. Borang penyertaan promosi atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan untuk menyertai Promosi. Bank akan menjejaki Pelanggan PB Layak secara automatik pada akhir Tempoh Promosi. Akan tetapi, Pelanggan PB Layak TIDAK akan diberitahu sama ada mereka berjaya melayakkan diri untuk mendapat Ganjaran itu. Pelanggan PB Layak yang tidak menerima Ganjaran selepas enam puluh (60) hari dari tamatnya Tempoh Promosi dianggap tidak layak mendapat Ganjaran itu dan sebarang rayuan/permintaan untuk membayar balik Ganjaran tidak akan dilayani oleh Bank.

21. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam CASA/CASA-I Pelanggan PB Layak atas deposit berkenaan yang menyebabkan Pelanggan PB Layak tertinggal daripada menerima Ganjaran bagi Promosi.
22. Pelanggan PB Layak dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank mendedahkan nama, nombor telefon bimbit dan alamat emel mereka kepada DCatalyst, M3tech atau mana-mana vendor lain yang dilantik secara rasmi untuk tujuan Promosi.
23. Perkhidmatan SMS dan EDM bagi Promosi ini masing-masingnya disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech") dan DCatalyst Sendirian Berhad (819292-U) ("DCatalyst").
24. Setakat dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala liabiliti berbangkit daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butiran Ganjaran atau apa-apa keadaan luar jangka di luar kawalan muasabah munasabah bank dan atas sebarang perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.

#### **UMUM**

25. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan PB:
  - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
  - (ii) bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun/Akaun-i Hong Leong bagi Akaun Sertaan/Akaun-i Sertaan, atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
  - (iii) bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
  - (iv) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan PB dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani; dan
  - (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau Laman Web HLIB di [www.hlib.com.my](http://www.hlib.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
26. Bank berhak:
  - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan Ganjaran dengan apa-apa tawaran atau produk yang sama nilainya menurut budi bicara mutlak Bank, dengan menyiarkannya dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web HLIB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank;
  - (ii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan PB atas apa jua sebab sekalipun, menurut budi bicara mutlak Bank yang dianggapnya wajar, daripada menyertai Promosi dan/atau layak mendapat Ganjaran; dan
  - (iii) melupakan Ganjaran sekiranya Pelanggan PB gagal mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun/Akaun-i Hong Leong bagi Akaun Sertaan /Akaun-i Sertaan.
27. Pelanggan PB dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
28. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan PB bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Makamah-mahkamah Malaysia.
29. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit/Deposit-i Hong Leong adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")**